

# Pembangunan seimbang di negeri adat perpatih

## Kerajaan negeri komited pastikan kemajuan seiring matlamat

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi tuty@bh.com.my

Dasar mesra perniagaan diamalkan kerajaan negeri untuk menarik pelabur asing dan domestik ke Negeri Sembilan, ternyata berkesan apabila prestasi pelaburan di negeri ini menunjukkan peningkatan memberangsangkan setakat ini.

Dasar itu disambut baik pelabur, kerana memudahkan syarikat yang ingin melabur berurusan dengan kerajaan, seterusnya melabur di negeri adat perpatih ini.

Dengan adanya pusat sehenti, ia dapat memastikan kecekapan dan kelancaran sebarang kelulusan permohonan daripada pelabur tempatan atau luar negara, yang berhasrat melabur di negeri ini.

Justeru, tidak hairanlah pada 2018, jumlah pelaburan yang diperoleh adalah RM2.86 bilion, berbanding RM1.41 bilion bagi tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 103 peratus.

Daripada jumlah itu, sektor pembuatan mencatatkan pelaburan tertinggi RM2.43 bilion pada 2018, sekali gus menunjukkan peningkatan 119 peratus, berbanding RM1.11 bilion diraih tahun sebelumnya.

Kerajaan negeri komited memastikan pembangunan negeri seiring matlamat, termasuk menubuhkan Perbadanan Negeri Sembilan menerusi Enakmen Perbadanan Negeri Sembilan 2018.

Perbadanan berperanan memberi tumpuan bagi menggalakkan pelaburan ke Negeri Sembilan, berdasarkan pelan pembangunan yang

sudah dirancang.

Bagi perancangan pembangunan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0) yang dikemaskini, Perbadanan Negeri Sembilan bertindak sebagai agensi pusat bersama pemaju, memastikan pembangunan dilaksanakan sebagaimana dirancang dan menjadi pemangkin kepada pembangunan di negeri ini.

Pada masa sama, perancangan menyeluruh di daerah lain akan dilaksanakan untuk menarik pelabur dan memastikan pembangunan seimbang di seluruh negeri.

Menerusi fasa pertama MVV 2.0, 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan melalui projek industri berteknologi tinggi di kawasan seluas 1,214 hektar di Nilai.

Pembangunan membabitkan kawasan Seremban dan Port Dickson seluas 153,411 hektar itu turut memberi tumpuan kepada pembangunan pemangkin, faedah ekonomi dan sosial serta aspirasi kelestarian alam sekitar.

Malah, MVV 2.0 memberi tumpuan pembangunan kepada empat

pemacu ekonomi, iaitu industri berteknologi tinggi, perkhidmatan dan pelancongan, pendidikan dan penyelidikan berasaskan kemahiran serta aktiviti berkaitan hab logistik dan maritim.

Pembangunan yang diberi nafas baharu itu bakal dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta, manakala kerajaan negeri sebagai fasilitator atau pemudah cara kepada pelaksanaan projek.

Ketika ini, Sime Darby Property menerusi MVV Holdings bersetuju melaksanakan projek utama di kawasan terbabit.

Syarikat itu merancang membangunkan taman berteknologi tinggi dan perindustrian menjelang 2020 di tanah seluas 1,148 hektar, di kawasan pembangunan MVV 2.0.

Pembinaan taman berteknologi tinggi dan perindustrian di Labu itu, antara enam projek utama yang diberi tumpuan menerusi fasa pertama pembangunan.

Bagaimanapun, pembangunan seimbang sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan negeri supaya ia bergerak seiring dengan hala tuju Re-

volusi Industri 4.0

Ketika ini, kerajaan negeri akan meneruskan kesinambungan bagi pelaksanaan Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040 (PPLBNS 2040).

Pelan jangka panjang itu selaras Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 dan Pelan Pembangunan Komprehensif MVV 2.0.

PPLBNS 2040 adalah inisiatif kerajaan negeri, bagi memastikan kawasan luar bandar terus relevan dan mendasari kepesatan pembangunan negeri.

Ia juga satu manifestasi dan inisiatif kepada usaha kerajaan, untuk merencana corak serta mengadaptasi perubahan sosioekonomi ke arah pembangunan saksama lagi bersepadu, merentasi kawasan bandar serta luar bandar.

PPLBNS 2040 menyediakan kerangka hala tuju secara umum dan strategi pembangunan menyeluruh, selari dengan pelan serta dasar pada peringkat persekutuan, iaitu Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 dan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030.



Aminuddin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan

### Info

#### Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0)

» Antara pembangunan yang sedang giat membangun di bahagian barat Negeri Sembilan.

» Mampu menarik pelaburan bernilai RM29.4 bilion dalam tempoh 30 tahun.

» Pelaburan dari dalam dan luar negeri dijangka dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri sebanyak tiga sehingga empat peratus setahun.

» Projek pembangunan metropolis bertaraf dunia yang kompetitif, inklusif dan bersih juga bakal mewujudkan 600,000 peluang pekerjaan menjelang 2045.

GrafikBH



Pembangunan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV2.0)



Port Dickson turut disenarai dalam projek pembangunan MVV 2.0.

**Sayangi Malaysiaku**  
Malaysia Bersih

## TANAH TUMPAH Darahku

**Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Yang Ke-62**

Daripada

**YAB Dato' Seri Aminuddin bin Harun**  
Menteri Besar Negeri Sembilan  
Kerajaan Negeri dan Rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus